



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PENGENALAN FI UJIAN PENGESANAN PENYAKIT COVID-19**  
**DI PINTU MASUK ANTARABANGSA DAN FASILITI**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan pengenaan fi ujian pengesanan penyakit COVID-19 di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi Bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019) (COVID-19) 2020 yang berkuat kuasa pada 29 Jun 2020. Selaras dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan tersebut, mana-mana warganegara atau orang asing yang memasuki Malaysia dari luar negara hendaklah membayar fi bagi ujian pengesanan COVID-19 sebelum mendapat pelepasan imigresen di mana-mana pintu masuk negara.

Selain itu, mana-mana warganegara atau orang asing yang berada di Malaysia boleh meminta untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 di mana-mana hospital kerajaan atau-klinik KKM dan hendaklah membayar fi bagi ujian pengesanan COVID-19.

Fi ujian makmal pengesanan penyakit COVID-19 adalah seperti berikut:

JENIS UJIAN PENGESANAN COVID-19	FI WARGANEGARA	FI WARGA ASING
Tindak balas berantai polimerase	RM150	RM250
Kit ujian pantas antigen	RM60	RM120
Kit ujian pantas antibodi	RM30	RM60

Ujian pengesanan penyakit COVID-19 di pintu masuk antarabangsa dan fasiliti KKM akan menggunakan teknik tindak balas berantai polimerase atau kit ujian pantas antigen mengikut kesesuaian semasa. Manakala ketika ini ujian kit ujian pantas antibodi digunakan ke atas individu yang diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah pada hari ke-13, sebelum mereka dilepaskan dari perintah tersebut pada hari ke-14.

Selain itu, warganegara Malaysia daripada golongan berikut adalah diketepikan daripada fi tersebut iaitu:

- (i) pegawai Kerajaan yang memasuki Malaysia dari luar negara atas tugas rasmi di luar negara dan hendaklah mengemukakan surat arahan rasmi berhubung perkara tersebut sebagai bukti. Pengecualian ini tidak terpakai kepada ahli keluarga pegawai;

- (ii) orang kurang upaya (OKU) yang memasuki Malaysia dari luar negara dan hendaklah mengemukakan kad OKU yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pengecualian tidak terpakai kepada ahli keluarga OKU; dan
- (iii) pelajar warganegara Malaysia, persendirian atau mempunyai penajaan, yang memasuki Malaysia dari luar negara kali pertama. Pelajar perlu mengemukakan bukti pengajian.

KKM sentiasa komited memberikan Perkhidmatan yang terbaik kepada semua rakyat Malaysia.

**DATO' SRI DR ADHAM BIN BABA**

Menteri Kesihatan Malaysia

3 Julai 2020